From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 249 PELAJAR BAHARU IBS SESI A261 DIRAIKAN DENGAN SANTAPAN ROHANI "MENJULANG ILMU MENGAKAR ADAB"
Date: Monday, 21 September, 2026 9:36:29 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

21 SEPTEMBER 2026 / 9 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Prof. Madya Dr. Syarifah Md Yusof

249 PELAJAR BAHARU IBS SESI A261 DIRAIKAN DENGAN SANTAPAN ROHANI 'MENJULANG ILMU MENGAKAR ADAB'



UUM ONLINE: Seramai 249 pelajar baharu Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia (UUM) diraikan dalam satu majlis suai kenal yang padat dengan pengisian bermakna 'Menjulang Ilmu Mengakar Adab' pada 17 September lalu di Dewan Seminar B, Kompleks Konvensyen, UUM.

Sesi pertemuan ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Dekan IBS, Prof. Dr. Selamah Maamor yang menzahirkan rasa setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah serta mengalu-alukan kehadiran pelajar baharu ke dalam keluarga besar IBS bagi memulakan perjalanan akademik mereka.

Menyentuh tentang identiti pusat pengajian, beliau menegaskan bahawa kedudukan perkataan 'Islam' di hadapan nama *Islamic Business School* (IBS) membawa pengertian yang sangat mendalam.

”Ia merupakan satu amanah yang besar kepada setiap pelajar IBS untuk sentiasa menunjukkan kecemerlangan dalam pengajian, mempamerkan sahsiah, keperibadian yang murni, menonjolkan kepimpinan yang unggul serta menjaga nama baik Islam pada setiap masa dan di mana sahaja berada,” katanya.



Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran pengurusan tertinggi IBS termasuk Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) (TDAA), Prof. Madya Dr. Syarifah Md Yusof; Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TDHEPA), Prof. Madya Dr. Hyzulkifli Hashim di samping barisan Pengerusi Program serta pensyarah IBS.

Untuk rekod, kemasukan pelajar baharu IBS bagi sesi A261 ini mencatatkan jumlah pendaftaran seramai 249 orang yang merangkumi tiga program pengajian.

Pecahan tersebut terdiri daripada 113 pelajar program Sarjana Muda Kewangan dan Perbankan Islam (BIFB), 110 pelajar program Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (BMA) dan 26 pelajar program Sarjana Muda Pengurusan Halal (Bhalal).

Majlis diteruskan dengan sesi taklimat akademik yang disampaikan oleh Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) IBS, Prof. Madya Dr. Syarifah Md Yusof.



Fokus utama taklimat beliau adalah mendedahkan pelajar kepada peraturan pengijazahan yang menjadi garis panduan penting di universiti, selain menjelaskan secara terperinci tentang keperluan mandatori untuk pelajar lulus kedua-dua komponen penilaian kursus, merangkumi pemahaman tentang syarat-syarat bergraduat bagi membolehkan pelajar meneruskan pengajian tanpa sebarang masalah.

Beliau turut memberi peringatan penting berhubung peraturan akademik di mana kehadiran ke kelas adalah diwajibkan pada tahap minimum 80 peratus. Pelajar yang gagal memenuhi syarat kehadiran tersebut boleh berdepan dengan tindakan tegas, termasuk dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir. Oleh yang demikian, beliau menasihatkan pelajar agar bijak merancang perjalanan pembelajaran mereka dengan sebaiknya dan belajar secara konsisten.

Kemuncak majlis adalah sesi perkongsian khusus atau 'santapan rohani' yang disampaikan oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni IBS, Prof. Madya Dr. Hydzulkifli Hashim.



Beliau memberikan nasihat yang mendalam kepada para pelajar mengenai kepentingan menjaga adab ketika menuntut ilmu. Beliau amat menitikberatkan agar pelajar sentiasa memelihara adab, tatasusila, serta pengamalan nilai-nilai Islam dalam hubungan bersama pensyarah, rakan-rakan, dan semua pihak.

Beliau turut mengingatkan pelajar supaya sentiasa menggunakan laras bahasa yang baik dan sopan ketika berkomunikasi, sama ada secara bersemuka mahupun menerusi medium media sosial, di samping sentiasa memelihara batas pergaulan. Selain itu, beliau memberikan penekanan yang tegas mengenai etika berpakaian di mana setiap pelajar wajib mematuhi peraturan pemakaian universiti dan memastikan aurat ditutup dengan sempurna.

Dalam pada itu, Dr. Hyzulkifli turut mengambil kesempatan menasihatkan pelajar yang berhadapan dengan sebarang masalah agar tidak memendam perasaan atau mendiamkan diri.



Beliau mengalu-alukan pelajar untuk berjumpa dengannya bagi mendapatkan bantuan, memandangkan pihak universiti mempunyai sistem sokongan yang menyeluruh termasuk perkhidmatan kaunseling, bantuan kewangan, dan pelbagai inisiatif lain demi menjaga kebajikan serta kesejahteraan pelajar.

Bertepatan dengan tema 'Menjulang Ilmu Mengakar Adab', majlis ini diharapkan dapat menyuntik semangat dan motivasi kepada para pelajar baharu. IBS berharap agar pelajar bukan sahaja cemerlang menguasai ilmu perniagaan dan pengurusan Islam, malah memiliki keperibadian yang luhur serta beradab sebagai persediaan untuk berbakti kepada masyarakat dan industri kelak.

Kesimpulannya, Ilmu, Amal, dan Adab hendaklah sentiasa berjalan serentak dan seiring dalam diri setiap pelajar. Pasak ini sejajar dan mendukung teras motto UUM iaitu 'Ilmu, Budi, Bakti', di mana ilmu yang dipelajari dan dihayati (*amal*) akan mentransformasi budi dan akhlak, seterusnya diterjemahkan melalui bakti yang dicurahkan kepada agama, bangsa, serta negara.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.